



30 September 2024



Cungkil bakat sukan belia Orang Asli

Tanjung Malim: Seramai 384 atlet Orang Asli menyertai Karnival Sukan Orang Asli (KSOA) 2024 anjuran Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) yang berlangsung tiga hari di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Kampus Sultan Azlan Shah, Proton City yang berakhir kelmarin,

Karnival berkenaan bertujuan mencungkil bakat dan potensi diri dalam bidang sukan dalam kalangan belia Orang Asli selain merapatkan hubungan silaturahim 18 suku kaum Orang Asli di Semenanjung.

Majlis perasmian penutup berlangsung meriah di sempurnakan Setiausaha Bahagian Kanan Khidmat Pengurusan, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) Datuk Dr Roslan Mahmood.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UPSI, Prof Dr Norkhalid Salimin, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan JAKOA, Mohd Zamri Mustajap; Timbalan Presiden Kesatuan Olahraga Malaysia, Fadzil A Bakar dan Timbalan Pengarah Cawangan Penggalakan dan Pembangunan Sukan, Bahagian Pembangunan Sukan, Jabatan Belia dan Sukan Negara, Ahmad Syammie Mohamad Karim.

Roslan berkata, penganjuran karnival berkenaan selaras dengan Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB) di bawah Teras Lima iaitu 'Pembangunan Masyarakat Luar Bandar yang Sihat, Selamat dan Sejahtera' melalui tiga strategi utama.

Katanya, tiga strategi utama ialah meningkatkan kesedaran amalan cara hidup sihat, menyediakan kemudahan penjagaan kesihatan yang berkualiti dan komprehensif serta meningkatkan akses masyarakat luar bandar kepada kemudahan rekreasi atau aktiviti fizikal. "Teras ini penting bagi melahir dan membangunkan masyarakat luar bandar hidup sejahtera menjelang 2030 selain pembangunan fizikal yang mengubah imej luar bandar menjadi lebih maju, kualiti hidup masyarakat yang sihat dan sejahtera bagi mencerminkan kemajuan yang dinikmati masyarakat luar bandar.

"Kerajaan memperuntukkan belanjawan yang besar bagi menjadikan kehidupan rakyat yang sihat, selamat dan sejahtera. Sejajar dengan hasrat berkenaan, kerajaan sudah menyediakan pelbagai peruntukan dan inisiatif kepada masyarakat luar bandar.

"Di samping itu, kerajaan menggalakkan masyarakat supaya bekerjasama dan bertanggungjawab dengan melibatkan diri secara aktif untuk mencapai tahap kesihatan fizikal, emosi, sosial dan kerohanian yang sihat, selamat dan sejahtera," katanya.

Karnival kali ini menyaksikan Pahang muncul juara keseluruhan dengan jumlah 21 pingat diikuti naib juara, Selangor dengan 11 pingat dan tempat ketiga pula tuan rumah, Perak dan Kedah pulang dengan enam pingat keseluruhan.

